

V 0710 MMD  
MAHATHIR - PADI R R R

SHAH ALAM, 16 OGOS (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENAIKKAN SUBSIDI HARGA PADI SEBANYAK 50 PERATUS MENJADI \$15 SEPIKUL MEMANDANGKAN KADAR SEKARANG SUDAH LAMA DIGUNAKAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERKATA KADAR SUBSIDI \$10 SEPIKUL SEKARANG YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN KEPADA PENANAM PADI TIDAK LAGI MEMADAI MEMANDANGKAN PENINGKATAN PENDAPATAN PENANAM GETAH DAN KELAPA SAWIT.

+INI BUKANLAH KERANA PILIHAN RAYA TETAPI KERANA KERAJAAN MEMIKIRKAN BAHAWA SUBSIDI HARGA PADI SUDAH LAMA TIDAK NAIK,+ KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PERAYAAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN 1990 DI TAMAN PERTANIAN MALAYSIA, BUKIT CERAKAH DI SINI.

PENGUMUMAN OLEH PERDANA MENTERI ITU DISAMBUT OLEH TEPUKAN GEMURUH RIBUAN MASYARAKAT TANI DAN NELAYAN YANG BERKUMPUL BUAT PERTAMA KALINYA MERAYAKAN SAMBUTAN ITU DALAM PERSEKITARAN POKOK-POKOK HUTAN.

DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, MENTERI PERTANIAN DATUK SERI SANUSI JUNID, MENTERI BESAR SELANGOR TAN SRI MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD TAIB, MENTERI BESAR KELANTAN, TAN SRI HAJI MOHAMED YAACOB, BEBERAPA ORANG MENTERI LAIN, TIMBALAN MENTERI DAN PEGAWAI KANAN KERAJAAN TURUT HADIR. -- LAGI.

1541MST 16 08 90

U B930 AAB  
MAHATHIR - PADI 2 SHAH ALAM

KETIKA DITEMUI PEMBERITA KEMUDIANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENGGUNAAN SUBSIDI HARGA \$10 SEPIKUL ITU DIGUNAKAN LEBIH 10 TAHUN LEPAS.

KATANYA, KERAJAAN MEMILIH UNTUK MENAIKKAN SUBSIDI HARGA PADI ITU DARIPADA MEMBENARKAN BERAS DIJUAL DENGAN HARGA YANG LEBIH TINGGI.

MENURUTNYA, MESYUARAT JEMAAH MENTERI SEMALAM BERPENDAPAT BAHAWA PENANAM PADI PERLU DIBERIKAN BANTUAN, SETELAH MEMBINCANGKAN KERTAS YANG DIKEMUKAKAN OLEH LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA (LPN).

E GAIMANAPUN KERTAS BERKENAAN TIDAK MENCADANGKAN KENAIKAN SUBSIDI HARGA PADI ITU TETAPI MENERANGKAN MENGENAI PRESTASI LEMBAGA TERSEBUT, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MEMBELANJAKAN \$270 JUTA SETAHUN UNTUK MEMBERIKAN SUBSIDI \$10 SEPIKUL KEPADA PENANAM PADI DAN DENGAN TAMBAHAN 50 PERATUS ITU, KIRA-KIRA \$120 JUTA LAGI PERLU DISEDIAKAN. -- LAGI.

1641MST 16 08 90

U B938 AAB  
MAHATHIR - PADI 3 SHAH ALAM

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SUBSIDI HARGA PADI YANG BARU ITU BERKUATKUASA SEGERA.

BAGAIMANAPUN KATANYA LPN MUNGKIN MENGAMBIL SEDIKIT MASA UNTUK MELAKSANAKANNYA. -- BERNAMA.

1708MST 16 08 90